

SOALAN NO : 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]
TARIKH : 19 JUN 2014
SOALAN :

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) berapakah jumlah kematian ibu dan bayi yang berlaku disebabkan faktor yang boleh dielakkan (*preventable death*)
- b) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah ibu atau ayah yang memilih untuk kelahiran bayi di rumah tanpa kehadiran anggota perubatan terlatih, sehingga menyebabkan kemudaratan atau kematian kepada ibu atau bayi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kematian ibu pada tahun 2012 , terdapat sejumlah 242 kematian oleh semua penyebab (*pregnancy related deaths*) yang dilaporkan. Dari jumlah ini, sebanyak 129 kes (53.3%) adalah kematian yang boleh dielakkan (*preventable*). Manakala data preliminari tahun 2013 menunjukkan sejumlah 238 kematian ibu dilaporkan, dimana 102 (42.9%) adalah kes kematian yang boleh dielakkan.

Bagi kematian bayi, pada tahun 2012, terdapat 3,474 kematian (Infant Mortality) yang telah dilaporkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 555 kes (16%) adalah kematian yang boleh diklasifikasikan sebagai (*Preventable Death*). Data preliminari tahun 2013 menunjukkan jumlah kes yang kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 3,943 dan dari jumlah tersebut, sebanyak 387 kes (9.8%) adalah kematian yang boleh diklasifikasikan sebagai (*Preventable Death*).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap masalah ibu atau ayah yang memilih untuk bersalin di rumah tanpa kehadiran anggota perubatan terlatih sehingga menyebabkan kemudaratan atau kematian kepada ibu atau bayi berkenaan.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM dalam memastikan kelahiran yang selamat (iaitu kelahiran yang disambut oleh anggota terlatih) adalah:

1. Meningkatkan aktiviti promosi kesihatan dan memberikan maklumat yang tepat mengenai kelahiran selamat kepada masyarakat umum. Antara maklumat penting yang diberikan ialah kepentingan kelahiran selamat, risiko kehamilan dan kelahiran serta fasiliti tempat bersalin;
2. Meningkatkan tahap kesedaran ibu hamil serta pasangan dengan memperincikan perbincangan mengenai perancangan tempat bersalin berdasarkan status kesihatan ibu serta memberi nasihat sewajarnya semasa sesi konsultasi. Mereka dinasihat untuk segera ke hospital atau memanggil segera jururawat apabila mempunyai tanda-tanda bersalin. Bagi ibu serta pasangannya, yang mempunyai risiko dan tidak layak untuk bersalin akan diberi nasihat dan kaunseling tentang kesan mudarat pada ibu dan bayi jika melahirkan bayi di rumah;
3. Mengadakan sesi perbincangan dan dialog dengan badan bukan kerajaan yang berkaitan agar membantu pihak KKM dengan menggalakkan ibu hamil yang berisiko untuk bersalin di hospital;

4. Memberi kaunseling kepada ibu dan pasangan yang pernah bersalin di rumah tanpa kehadiran anggota perubatan dengan menitikberatkan risiko ke atas ibu dan bayi agar ia tidak berulang pada masa akan datang; dan
5. Meningkatkan kualiti perkhidmatan di wad bersalin dengan menyediakan perkhidmatan mesra pelanggan bagi menggalakkan ibu hamil bersalin di hospital.